

31 MAY 1998

NIK AZIZ TAK AKAN LETAK JAWATAN

KOTA BAHARU, 31 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini berkata beliau tidak akan tunduk dengan desakan Umno Kelantan yang memintanya meletakkan jawatan atas alasan gagal mentadbir negeri itu dengan cekap.

"Semakin Umno minta saya lepas jawatan semakin saya nak pegang... boleh jadi, wujud saya dalam negeri menyusahkan mereka," katanya ketika ditemui selepas merasmikan program ceramah kesedaran dadah kepada penghulu-penghulu peringkat Kelantan di sini.

Semalam, Konvensyen Umno Kelantan sebulat suara meluluskan usul supaya Nik Aziz meletak jawatan setelah gagal mentadbir negeri itu dengan cekap hingga menimbulkan masalah kepada rakyat.

Umno juga mendakwa kerajaan Kelantan pimpinan Pas tidak lagi mendapat kepercayaan daripada jentera pentadbiran kerajaan negeri dan sokongan daripada istana hingga menjejaskan kehidupan seharian rakyat.

Ketika ditanya mengenai masalah membabitkan hubungan antara kerajaan negeri dan istana seperti yang didakwa oleh Umno, Nik Aziz berkata masalah hubungan itu dimulakan oleh Umno sendiri di konvensyen parti itu pada 1993 dengan cuba mengehadkan kuasa istana.

"Saya hanya turut di belakang sahaja," katanya.

Mengenai usul Muktamar Pas di Kuala Lumpur baru-baru ini, yang meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan, Nik Aziz berkata ianya bermotifkan politik.

-- BERNAMA

RAR MAI